

13/05/2003

Ke mana arah perjuangan generasi muda dalam Umno?

Abu Hasan Adam

KONSEP perjuangan amat rapat kaitannya dengan Umno. Malah, konsep perjuangan hampir sama dengan konsep nasionalisme yang dipopularkan Barat.

Memperkatakan mengenai Umno seolah-olah tidak lengkap jika tidak disertakan dengan perkataan "perjuangan Umno".

Persoalannya ialah apakah ahli Umno atau lebih tepat lagi generasi muda dalam Umno betul-betul memahami perjuangan Umno sebagaimana kefahaman yang dianuti oleh generasi lama dalam parti itu?

Apakah apabila tidak ada Malayan Union, maka sudah tidak ada perjuangan?

Satu daripada sebab yang membawa kepada penubuhan Umno ialah wujudnya Malayan Union yang diperkenalkan oleh British pada 1946.

Lantas, orang Melayu dalam Umno berjuang habis-habisan menentang gagasan yang cuba merendahkan dan menghina bangsa Melayu.

Bermulalah satu perjuangan menegak dan menebus maruah bangsa Melayu yang tidak ada tolok bandingnya dalam sejarah Malaysia sehingga tercapainya kemerdekaan pada 1957.

Apakah perjuangan dalam Umno sudah selesai?

Apakah rupa bentuk perjuangan generasi muda dalam Umno setelah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersara daripada Umno dan kerajaan pada Oktober nanti?

Apakah persiapan yang telah dirangka oleh generasi muda dalam Umno menghadapi era pasca Mahathir?

Bagaimana pula rupa bentuk perjuangan generasi muda dalam Umno bagi melengkapkan diri menjadi pasak kepada perjuangan yang akan diteruskan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi?

Dr Mahathir berasakan tugasnya memimpin negara harus diteruskan oleh penggantinya.

Walaupun masih ada yang berasakan kepemimpinannya masih diperlukan, umum merasakan bahawa Perdana Menteri telah mempersiapkan negara untuk menempuh hari-hari muka.

Pendek kata, perjuangannya menegakkan maruah negara telah disempurnakan.

Dilihat dari perspektif sejarah pula, persiapan dan perjuangan Dr Mahathir hampir sama dengan perjuangan dan tindakan yang dilakukan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dalam mempersiapkan rakyat, khususnya orang Melayu, agar dapat bertanding dan bersaing dengan bangsa lain dalam segenap bidang kehidupan.

Perjuangan Dr Mahathir yang paling bermakna, di samping beberapa dasar lain, ialah usahanya mencetuskan Wawasan 2020. Itulah matlamat

perjuangan

bangsa Malaysia sehinggalah tercapainya wawasan itu.

Tun Razak pula telah menyediakan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dalam keadaan

negara yang baru saja melepasi kemelut 13 Mei 1969, dasar ini dilancarkan

yang bertujuan memajukan kehidupan orang Melayu yang agak daif ketika itu.

Orang Melayu terlalu sedikit dapat menikmati hasil dalam negaranya sendiri.

Dari segi perbandingan, terdapat hanya 26 peratus kaum Cina yang hidup di bawah paras kemiskinan berbanding 65 peratus orang Melayu.

Sungguhpun orang Melayu pada ketika itu (1970) melebihi separuh daripada

penduduk negara, pengawalan mereka kepada modal ekuiti negara hanya sebanyak 2.4 peratus berbanding kaum Cina yang menguasai 27.2 peratus.

Tambah menyedihkan lagi ialah kedudukan orang asing yang dapat menguasai

63.3 peratus ekonomi negara ini.

Mengikut pertimbangan kerajaan ketika itu, keadaan yang tidak seimbang itu mesti diperbetulkan.

Maka, DEB dilancarkan. Itulah perjuangan Umno ketika itu dan kesannya dapat dilihat sehingga hari ini.

Kita tidak menafikan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh generasi muda dalam Umno demi kebaikan bangsa Malaysia, khususnya orang Melayu.

Apa yang ditunggu-tunggu oleh masyarakat kini ialah agenda besar yang harus diperjuangkan oleh generasi muda.

Apakah generasi muda kita masih belum bersedia untuk merangka satu agenda besar untuk dinikmati oleh orang Melayu?

Apakah belum cukup ilmu di dada dan belum terasah keris di pinggang untuk melancarkan satu perjuangan abad ke-21?

Satu hakikat yang perlu ditegaskan juga walaupun amat pahit untuk ditelan ialah masih ada - atau sebenarnya masih ramai - pemimpin peringkat

bawahan yang kurang peka dengan perkembangan penting yang berlaku dalam negara dan yang ada hubung kaitnya dengan dunia luar.

Rata-rata, masih ada atau masih ramai yang amat suka memperkatakan siapa

bakal jadi ketua, timbalan, naib dan seterusnya.

Kita masih asyik memperkatakan jika si folan menang sebagai ketua, maka

apa pula akan terjadi si folan yang tidak menyokongnya.

Berapa banyaknya pula wang yang dihabiskan oleh si folan untuk mendapatkan undi yang menyokongnya?

Siapakah pula pemimpin Pusat yang berdiri di belakang si folan yang menyebabkan dia memenangi jawatan itu.

Lantaran itu, persoalan kecekapan, daya kepemimpinan, kejujuran dan keikhlasan seseorang pemimpin diketepikan.

Dapat dikatakan bahawa meskipun semakin ramai pemimpin yang bercakap mengenai perpaduan, pada peringkat bawahan kegiatan politik yang

berlebihan (political overdose) masih berlaku.

Seolah-olah perpecahan menjadi satu kecenderungan di kalangan anggota parti pula. Ini tidak sihat dan berbahaya.

Berasaskan keadaan dan senario sedemikian rupa, maka tentulah soal perjuangan akan dicampakkan entah ke mana.

Sudah tentulah tidak ada masa bagi memikirkan soal perjuangan sekiranya kebanyakan masa dihabiskan untuk membicarakan perkara remeh dan tidak menguntungkan.

Era baru akan muncul dalam Umno tidak lama lagi.

Generasi muda dalam Umno harus mempersiapkan diri menempa dan berusaha untuk mengukir satu perjuangan yang boleh mengangkat martabat bangsa di hari muka.

Tugas itu bukan enteng. Ia memerlukan komitmen dan pengorbanan yang bukan kepalang.

Walaupun ribut dan taufan yang akan menghalang, kita masih yakin generasi muda dalam Umno dapat melakukan suatu perjuangan besar yang boleh dibanggakan oleh bangsa dan generasi tua yang bakal meninggalkan kita.

Dr Mahathir dan Pak Lah pasti tersenyum puas sekiranya perjuangan besar ini dapat dilakukan dengan jayanya.